

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-13 (2015)

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN M. KULASEGARAN**
[IPOH BARAT]
SOALAN :

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta PERDANA MENTERI
menyatakan :-

- (a) jumlah bilangan kakitangan Kerajaan yang terdapat di negara ini dan berikan pecahan mengikut kaum masing-masing; dan
- (b) mengapakah jumlah kaum bukan Bumiputera yang menceburi sektor perkhidmatan awam semakin kurang. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mempertingkatkan dan menarik minat kaum bukan Bumiputera dalam sektor ini.

JAWAPAN : YB DATUK JOSEPH ENTULU BELAUN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengisian dalam perkhidmatan awam sehingga Disember 2014 adalah seramai 1,606,463 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 78.8% adalah kaum Melayu, 6.1% Bumiputera Sabah, 4.8% Bumiputera

Sarawak, 0.3% Bumiputera Lain, 5.2% Cina, 4.1% India dan 0.7% lain-lain bangsa.

- (b) Jumlah permohonan yang rendah dan minat daripada kaum bukan Bumiputera untuk memasuki perkhidmatan awam adalah antara punca yang telah dikenalpasti bagi bilangan mereka yang rendah dalam perkhidmatan awam.

Pada tahun 2014, daripada 1,605,245 permohonan untuk memasuki perkhidmatan awam yang diterima oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), sebanyak 1,265,543 (78.84%) permohonan adalah daripada kaum Melayu, 33,009 (2.06%) permohonan daripada kaum Cina, 59,355 (3.7%) permohonan daripada kaum India, 123,374 (7.7%) permohonan daripada Bumiputera Sabah, 90,857 (5.7%) permohonan daripada Bumiputera Sarawak dan 3,124 (0.2%) permohonan daripada Orang Asli Semenanjung.

Namun demikian, berdasarkan statistik pada tahun 2014, didapati peratusan calon Cina dan India yang dilantik ke dalam perkhidmatan awam sebenarnya lebih tinggi berbanding kaum lain. Sebanyak 50.82% calon Cina telah dilantik dalam perkhidmatan awam daripada sejumlah 5,338 calon yang hadir temu duga, manakala 35.63% calon India telah dilantik daripada sejumlah 6,158 calon yang hadir temu duga. Peratusan calon Melayu yang dilantik pula adalah sebanyak 27.99% daripada 146,621 calon yang hadir temu duga.

Untuk makluman, pemilihan seseorang calon ke dalam perkhidmatan awam adalah mengikut merit dan kompetensi serta

tidak berdasarkan kepada kuota sesuatu kaum tertentu. SPA juga tidak menggunakan faktor kaum sebagai asas tapisan untuk calon dipanggil temu duga. Calon-calon yang dipanggil temu duga terdiri daripada mereka yang telah melepasi proses penyenaian pendek berdasarkan skim perkhidmatan yang turut mengambil kira keperluan kementerian/jabatan/agensi termasuk jantung, bidang pengajian, CGPA serta lulus ujian fizikal dan pemeriksaan *Body Mass Index* (BMI) bagi jawatan-jawatan tertentu seperti Pegawai Penguatkuasa dan Penolong Pegawai Penguatkuasa.

Sungguhpun demikian, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menggalakkan kaum bukan Bumiputera untuk berkhidmat dalam sektor awam. Antara langkah yang telah diambil oleh Suruhanjaya, antaranya adalah seperti berikut:

- i. mengadakan sesi *engagement* dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Cina dan India.
- ii. memperbanyakkan kerjasama dengan media Cina dan India untuk mempromosikan peluang kerjaya dalam perkhidmatan awam di kalangan masyarakat Cina dan India.
- iii. melantik pegawai-pegawai di kalangan kaum Cina dan India untuk bertugas di kaunter-kaunter khidmat pelanggan.
- iv. mengadakan taklimat kerjaya khusus kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta.

- v. mengeluarkan risalah kepada ketua masyarakat di kawasan bandar/pedalaman untuk menarik calon-calon bukan Bumiputera menyertai perkhidmatan awam.
- vi. menyediakan soalan lazim (FAQ) dalam bahasa Cina dan Tamil dalam Portal SPA.
- vii. mewujudkan Jawatankuasa Khas mengkaji penyertaan kaum Melayu, Cina, India, Dayak, Siam, Kadazan Dusun dan kaum-kaum lain.

Sekian, terima kasih.